

Jangan alpa serangan ekonomi kedua — PM

UM 24 NOV 1999

Oleh SUKHVINDER KAUR

PUTRAJAYA 23 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi amarannya bahawa krisis ekonomi kedua negara akan berlaku jika rakyat bersikap alpa.

Menurut beliau, kuasa-kuasa luar yang menyebabkan krisis ekonomi di rantau Asia masih berkeliaran dan terus memerhati perkembangan semasa.

Katanya, kehadiran mereka tidak boleh diketepikan, dan semua pihak harus berjaga-jaga.

"Kami harus berjaga-jaga kerana kuasa-kuasa yang menyebabkan ekonomi kami runtuh dalam tahun 1997 masih ada dan mereka mungkin akan melancarkan satu lagi serangan," katanya pada sidang akhbar ringkas bersama Perdana Menteri China, Zhu Rongji di Jaba-

tan Perdana Menteri di sini tengah hari ini.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, dalam konteks Malaysia, langkah-langkah tegas telah diambil untuk menyekat sebarang usaha kuasa-kuasa luar, terutamanya berhubung kegiatan spekulasi mata wang.

"Kami telah memberi perlindungan kepada mata wang ringgit, oleh itu, ia tidak lagi menjadi bahan spekulasi di kalangan spekulator asing.

Pertumbuhan

"Kami yakin, Malaysia kini lebih stabil dan mungkin tidak akan menjadi mangsa seperti yang berlaku dalam tahun 1997 dan 1998," jelasnya.

Ditanya mengenai pemulihan ekonomi di rantau Asia, Perdana Menteri berkata, kebanyakan negara-negara di rantau sebelah sini telah pulih daripada krisis ekonomi.

Katanya, pertumbuhan yang

dicatat pada tahun ini adalah lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.

Namun, ujar beliau, tahap pencapaian tersebut tidak setinggi sebelum dilanda krisis.

Ia akan mengambil sedikit masa untuk mencapai pertumbuhan seperti dahulu kala, tambahnya.

Mengenai lawatan Perdana Menteri China, Zhu Rongji, Dr. Mahathir menjelaskan, lawatan itu menunjukkan yang hubungan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara adalah rapat.

Katanya, banyak isu telah dibincang bersama pemimpin China itu termasuk perdagangan, ekonomi serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

"Tidak ada perbezaan ketara dan semua isu jika ada boleh diselesaikan melalui perbincangan," tegasnya.

Sebelum itu, Dr. Mahathir

■ Lihat muka 8

Jangan alpa serangan ekonomi kedua — PM

dan rakan sejawatannya dari China itu menyaksikan majlis menandatangani tiga memorandum persefahaman (MoU) antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Memorandum itu ialah bagi kerjasama kebudayaan, mewujudkan institusi-institusi perbankan di kedua-dua negara serta peraturan program pertukaran haiwan-haiwan antara pentadbiran perhutanan China dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir memberitahu, perjanjian kebudayaan antara China dan Malaysia akan membuka tirai perhubungan baru yang mempererat lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Katanya, kedua-dua negara kini sedia mengadakan program pertukaran melibatkan pelbagai bidang termasuk pelancongan, pendidikan, kebudayaan dan kesenian.